

# PM: Perbezaan Barat-Islam ancaman sebenar keamanan

Daripada AZNAN BAKAR

**TOKYO** 22 Mei - Perbezaan yang wujud antara Barat dan Islam merupakan ancaman sebenar kepada keamanan sejagat yang bakal menjejaskan kehidupan manusia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, segala konflik yang wujud sekarang bukan berpunca daripada agama tetapi akibat daripada tanggapan yang berbeza oleh Barat terhadap Islam dan sebaliknya.

Oleh itu katanya, perlu ada usaha untuk meningkatkan persefahaman melalui dialog antara budaya dan tamadun pada setiap peringkat di kalangan masyarakat antarabangsa dengan disokong oleh kerajaan.

"Malaysia sememangnya menyokong usaha di peringkat antarabangsa yang bertujuan untuk meningkatkan persefahaman antara budaya dan tamadun terutama antara mereka yang di Barat dan dunia Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan selepas menerima Ijazah Doktor Kehormat daripada Universiti Meiji, di sini hari ini. Ijazah itu telah disampaikan oleh presiden universiti itu, Hiromi Naya.

Sempena majlis itu Perdana Menteri turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) mengenai pertukaran pelajar antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang diwakili Naib Canselornya, Datuk Prof. Dr. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali dengan Universiti Meiji yang diwakili Naya.

Menurut Abdullah, adalah salah untuk menyalahkan agama sebagai punca kepada konflik antara manusia dan budaya kerana semua agama mementingkan keamanan dan keharmonian.

"Kita tidak boleh cari bukti dalam sejarah yang menunjukkan agama sebagai punca kepada konflik dan permusuhan antara Barat dan masyarakat Islam," katanya.

Sebaliknya kata Perdana Menteri, ia berlaku apabila ada pihak menggunakan paksaan ke atas pihak lain, yang kuat menekan yang lemah untuk mencapai tujuan politik

atau penguasaan wilayah.

Seperti di Palestin katanya, ia berpunca daripada layanan tidak adil terhadap isu dan rakyatnya dengan dunia Islam melihat tindakan Israel di Asia Barat disokong sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh negara Barat yang berkuasa.

"Ini ditambah dengan penaklukan di Afghanistan, pencerobohan di Iraq, tindakan ke atas Lebanon dan pendudukan berterusan di Bukit Golan yang mana ia dilihat oleh dunia Islam sebagai usaha untuk memalukan umat Islam dan Islam sebagai agama mereka," ujarinya.

Sebab itu kata Abdullah, penyelesaian kepada masalah Palestin perlu diberi ketutamaan jika mahu mengurangkan ketegangan antara Barat dan dunia Islam kerana jika isu itu diabaikan ia hanya menafikan kebenaran.

"Perasaan dimalukan ditambah pula dengan masalah yang tidak berkesudahan menjejaskan negara Islam yang membawa kepada penentangan dan permusuhan. Konflik ini mula membabitkan agama apabila perang terhadap keganasan meletakkan kesalahan terhadap Islam sebagai menyokong pelampau," katanya.

Sebab itu di Malaysia kata Perdana Menteri, kerajaan sedar tentang keperluan supaya wujud persefahaman dan penghargaan antara orang Islam dan bukan Islam melalui pendekatan Islam Hadhari.

"Saya ingin menyatakan bahawa prasangka terhadap Islam di Barat disebabkan kurangnya pemahaman tentang Islam yang sebenar, agama yang dianuti oleh sekurang-kurangnya 1.4 bilion orang di dunia," katanya.


Perdana Menteri berkata, Barat terutama di Eropah yang mengamalkan cara hidup sekular yang memisahkan agama daripada kehidupan seharian tidak boleh melihat budaya lain hanya dari perspektif dan kayu ukur mereka sahaja.

Sedangkan orang Islam katanya, menjadikan agama sebagai amalan dalam apa juga aktiviti harian dan tidak terbatas sebagai amalan di rumah dan di kalangan ahli keluarga sahaja.

Sebab itu kata Perdana Menteri, dialog antara budaya dan tamadun penting dalam mengelakkan konflik antarabangsa dan untuk menjayakannya sokongan seti-

Um - 23/5/2007  
Kita tidak boleh cari bukti dalam sejarah yang menunjukkan agama sebagai punca kepada konflik dan permusuhan antara Barat dan masyarakat Islam

ABDULLAH AHMAD BADAWI  
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima Ijazah Doktor Kehormat daripada Hiromi Naya pada majlis khas di Universiti Meiji di Tokyo, Jepun, semalam.

- Bernama

ap kerajaan penting.

Katanya, Malaysia juga percaya bahawa dialog yang mampu merapatkan jurang antara budaya dan tamadun perlu dibin-

cang secara multilateral termasuk melibatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

- Utusan